

'Pencuri' penglihatan

R. RITA Harlan 110572010 MIS 26



Glaukoma penyakit mata kedua tertinggi selepas katarak juga boleh dialami kanak-kanak

PENGLIHATAN yang hilang akibat masalah pada bahagian saraf, digelar glaukoma, belum ada ubatnya. Dalam kategori penyakit mata, ia menduduki tempat kedua selepas katarak, tetapi lebih menyeksakan kerana ia boleh mengakibatkan buta.

Berlaku tanpa batas usia, walaupun golongan dewasa lebih ramai menghidapnya, tetapi kanak-kanak juga tidak terkecuali. Penyanyi R&B Amerika Syarikat (AS), Ray Charles dan penyanyi opera Itali, Andrea Bocelli adalah contoh dua orang ternama yang diserang glaukoma sejak kanak-kanak.

Glaucoma Research Foundation (GRF) di AS, mencatatkan data penderita galukoma yang cukup tinggi iaitu 10 peratus daripada penduduk Amerika menderitainya atau satu daripada 10 orang berisiko diserang glaukoma.

Di kalangan kanak-kanak

yang berusia bawah lapan tahun, kejadian glaukoma dikaitkan dengan glaukoma kongenital atau berlaku sejak lahir, tetapi dilaporkan agak jarang berlaku, mungkin juga akibat tidak ramai yang tampil membuat pemeriksaan.

Perunding Ophtalmologist Optimax Eye Specialist Centre Sdn Bhd, Dr Norazlina Bachik Ng, berkata berbeza dengan orang dewasa, kanak-kanak hanya bergantung kepada orang dewasa atau ibu bapa untuk mengesan glaukoma yang dihidapi.

"Malangnya sebahagian besar ibu bapa tidak begitu mengendahkan mengenai kesihatan mata anak-anak. Apabila sudah menjadi buta, barulah si ibu atau bapa mengetahui, tetapi apabila sudah terlambat, ia berada pada tahap parah. Apatah lagi ia tidak datang bersama simptom yang menyakitkan.

"Antara tanda anak kecil menghidapnya ialah mata hitam yang besar, mata yang sentiasa berair serta sensitif kepada cahaya adalah tanda amaran bahawa bayi memerlukan pemeriksaan



PENGLIHATAN
mengecil.

GAMBAR HIASAN

terperinci oleh pakar oftalmologi," katanya ketika ditemui, baru-baru ini.

Hari Glaukoma Sedunia disambut pada setiap 12 Mac dan kali ketiga disambut tahun ini, atas inisiatif World Glaucoma Association (WGA) dan World Glaucoma Patient Association (WGP). Menyambut hari berkenaan, Optimax Eye Specialist Centre di Taman Tun Dr Ismail, Shah Alam dan Kajang memberi peluang kepada orang ramai mendapatkan imbasan secara percuma.

Glaukoma menyebabkan medan penglihatan terhad, tetapi tidak menjejaskan ketajaman penglihatan sebaliknya anda hanya boleh melihat secara jelas objek di depan saja, tetapi tidak di kiri atau kanan.

Beliau berkata, penyakit itu boleh menyebabkan kebutaan jika tidak dirawat segera dan ia tidak mempunyai tanda nyata seperti sakit, menyebabkan pesakit tidak menyedari mengenainya dan dalam kebanyakan kes, pesakit tahu menghidap glaukoma secara kebetulan.


"Ada yang membawa ahli keluarga memeriksa mata dan teringin memeriksa mata sendiri maka waktu itulah baru tahu menghidap glaukoma. Kalau berlaku pada peringkat awal tidak menjadi masalah besar, tetapi sekiranya sudah terlewat, ia boleh mengakibatkan kebutaan.

"Keadaan penglihatan yang normal menyebabkan pesakit tidak menyedari penglihatan mereka mula kabur sedikit demi sedikit.

Inilah yang menyebabkan glaukoma digelar pencuri senyap penglihatan apabila penglihatan hilang perlahan-lahan selama berbulan-bulan atau bertahun-tahun tanpa sebarang simptom atau petanda," katanya.

Glaukoma berlaku apabila saraf mata mengalami kerosakan akibat tekanan yang tinggi ke atas mata. Tekanan yang dikenali sebagai intraokular ini biasanya disebabkan cecair aqueous yang dihasilkan di dalam mata tidak dapat dialirkan keluar atau tersekat di dalam mata.

Kerosakan pada saraf mata boleh berlaku akibat tekanan ini kerana ia menghalang pengaliran darah ke saraf bahagian belakang mata. Tekanan itu boleh merosakkan saraf optik yang menghantar



DR NORAZLINA memeriksa mata pesakit menggunakan tonometer.



“*Tidak seperti katarak, kerosakan saraf optik akibat glaukoma tidak boleh diperbetulkan*”

Dr Norazlina Bachik Ng

*Perunding Ophthalmologist
Optimax Eye Specialist
Centre Sdn Bhd*

mesej ke otak supaya mata dapat melihat.

Dr Norazlina berkata, keadaan ini seterusnya menghadkan bahagian penglihatan dan jika tidak dirawat ia boleh menyebabkan pesakit menjadi buta.

“Tidak seperti katarak, kerosakan saraf optik akibat glaukoma tidak boleh diperbetulkan. Diagnosis awal dan rawatan amat penting bagi menghalang kerosakan lebih serius ke atas mata dan menyebabkan kebutaan.

“Disebabkan ia tidak menunjukkan simptom, pemeriksaan terhadap mata perlu dilakukan untuk mengenal pasti glaukoma. Sama penting dengan anggota tubuh lain, pemeriksaan mata boleh dilakukan setahun sekali,” katanya.

Mengesan glaukoma dilakukan menerusi pemeriksaan Tonometri, kaedah berkesan mengukur tekanan introkular di dalam mata.

Pakar mata juga akan menjalankan ujian Gonioskopi

untuk melihat risiko glaukoma sudut tertutup. Ujian lain seperti mikroskopik untuk melihat sebarang perubahan pada saraf mata dan ujian Perimetri untuk mengenal pasti kerosakan akibat glaukoma.

Beliau berkata, rawatan boleh mengelak atau menghadkan kehilangan penglihatan berpunca daripada glaukoma.

“Tujuan rawatan adalah untuk mengawal glaukoma dengan merendahkan tekanan mata. Doktor boleh mencadangkan rawatan terbaik selain menyarankan supaya anda memeriksa mata dengan lebih kerap. Walaupun ia tidak boleh dirawat, bagi merendahkan tekanan dalam mata, ubat titis atau pil mungkin digunakan.

“Sebahagian ubat boleh mengurangkan cecair yang dihasilkan oleh mata. Bagi kes yang lebih teruk, pancaran laser mungkin digunakan untuk meningkatkan saluran atau pembedahan untuk membentuk kawasan saluran baru,” katanya.



**SARAF mata
yang rosak
akibat glaucoma.**

Glaukoma

■ Glaukoma sudut terbuka kronik

- Jenis glaukoma paling kerap ditemui.
- Membabitkan individu pertengahan usia dan lebih tua.
- Ahli keluarga pesakit glaukoma mempunyai risiko lebih tinggi untuk mendapat penyakit ini disebabkan faktor keturunan. Mereka yang mengalami rabun dekat juga begitu.
- Penyakit ini mengambil masa bertahun-tahun untuk menjadi teruk dan kerap kali tanpa disedari.
- Ia boleh dikawal melalui penggunaan ubat titis tetapi sesetengah pesakit, pembedahan perlu dilakukan untuk membentuk satu laluan/saliran tambahan untuk

pengaliran keluar cecair dari dalam mata bagi mengurangkan tekanan mata.

■ Glaukoma sudut tertutup akut

- ini adalah jenis glaukoma yang paling kerap ditemui di kalangan masyarakat Cina.
- Ia membabitkan mereka pertengahan usia dan lebih tua terutama wanita.
- Dalam keadaan ini, tekanan mata pesakit akan naik secara tiba-tiba dan mendadak, menyebabkan kerosakan yang teruk kepada saraf optik jika tekanan mata berkenaan tidak diendahkan dengan segera.
- Kesakitan mata yang teruk, kehilangan penglihatan, kemerahan mata, melihat pecahan di sekitar

lampu, sakit kepala dan muntah-muntah adalah tanda-tanda glaukoma sudut tertutup akut.

■ Glaukoma kongenital

- Terjadi sejak kelahiran tetapi jarang berlaku.
- Pembesaran mata bayi, mata yang sentiasa berair serta sensitiviti kepada cahaya adalah tanda amaran bahawa bayi anda memerlukan pemeriksaan terperinci oleh Pakar Oftalmologi.

■ Glaukoma sekunder

- Keadaan ini disebabkan oleh penyakit yang sedia ada di dalam mata seseorang seperti keradangan, ketumbuhan, pembedahan mata, kecederaan mata atau

katarak yang terlalu matang.

- Keadaan ini akan menyebabkan cecair tidak dapat mengalir keluar dari mata seterusnya meningkatkan tekanan mata.

■ Rawatan :

- Semakin awal dikesan semakin cerah harapan untuk menghalang kehilangan penglihatan.
- Walaupun kerosakan terjadi ke atas saraf serta kehilangan fungsinya tidak dapat dikembalikan, selagi tekanan mata dapat dikawal kerosakan selanjutnya dapat dielakkan.
- Rawatan bergantung kepada jenis glaukoma. Ia terdiri daripada ubat-ubatan (titis dan makan), laser dan pembedahan.